

**TEKS UCAPAN YAB PERDANA MENTERI: PROGRAM JELAJAH
WIRA MADANI MARITIM DISANTUNI AGENSI
PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA**

By : DATO' SERI ANWAR IBRAHIM

Venue : TAPAK PASAR TANI PUTRAJAYA, PRESINT 4

Date : 27/09/2025

TEKS UCAPAN

YAB DATUK SERI PANGLIMA ANWAR BIN IBRAHIM

PERDANA MENTERI

SEMPENA

PROGRAM JELAJAH WIRA MADANI MARITIM DISANTUNI

AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA

27 SEPTEMBER 2025 (SABTU) | 9:30 PAGI

SANDAKAN, SABAH

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillahilladzi arsala rasulahu bilhuda wadidil haqq, liyuzhirahu 'ala dini kullih wa kafa billahi syahidah. Wa usallimu 'ala rasulihil karim, wa 'ala alihi wa sahbihi ajma'in.

Saudara saya, Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Haji Hajiji;

Saudara Saifuddin Nasution, Menteri Dalam Negeri;

Saudara Haji Safar bin Untong, Datuk Seri Panglima juga Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah;

Datuk Awang Alik, Ketua Setiausaha Kementerian;

Ahli Parlimen Vivian Wong Shir Yee;

Laksamana Maritim, Datuk Haji Rosli Abdullah;

Ketua Pengarah, rakan-rakan yang saya muliakan.

1. Terima kasih atas usaha menyempurnakan Jelajah Wira MADANI Maritim. Sebentar tadi saya bersama-sama dengan Wira Samudera TLDM untuk menjelaskan bahawa sebagai negara maritim, kawasan perairan kita yang luas ini menjadi tanggungjawab kita.
2. Seringkali rakyat itu harus diperingatkan, orang berniaga, orang politik, kerana negara ini aman stabil. Sepertimana Tuan Saifuddin sebut tadi, ekonomi kita alhamdulillah mampan, tapi orang lupa semua ini kerana negara ini aman. Aman ini kerana sumbangan, pengorbanan pasukan keselamatan termasuk APMM.
3. Jadi sebab itu, kita harus sentiasa siap siaga—kelengkapannya, disiplinnya, tanggungjawab yang disempurnakan dengan penuh

amanah. Dan sebab itu saya ucap terima kasih kepada Laksamana Maritim Rosli, dan juga rakan-rakan di APMM ini, bersama dengan rakan-rakan pasukan keselamatan menjalankan tanggungjawab.

4. Kita adakan majlis seperti ini supaya rakyat terdedah, jangan mereka ingat mudah sahaja. Orang kadang-kadang bersyarah, hentam sana sini. Dia lupa dia boleh lakukan itu, tidak banyak negara lain boleh buat begitu, kerana negara ini aman. Kita hendak tangani masalah penyeludupan, penyeludupan manusia, barang, senjata, dadah ini dan juga pencerobohan.
5. Ini semua memerlukan satu angkatan yang berdisiplin, yang punyai tatakelola yang baik. Saudara Saifuddin sebut tentang kelengkapan. Tadi Panglima Angkatan Tentera pun ada, dan saya sebut belanja tu kadang-kadang tinggi, puluh bilion, RM21.6 bilion untuk tentera. Tapi tengok kelengkapan, tidak begitu baik. Sebab itu jangan lupa, hendak jaga negara ini, tatakelola harus baik. Ketirisan, keborosan, rasuah mesti dihalangi. Kalau tidak, negara hebat macam mana pun tidak terkawal. Kalau yang diamanahkan itu kerjanya sakau, pecah amanah, sebab itu jangan pandang ringan.
6. Pertama, keselamatan—kerja seperti APMM dan pasukan keselamatan. Kedua, tatakelola kena baik. Wang yang banyak itu bukan wang peribadi. Wang, pegang amanah jaga rakyat, dan ini akan menambah keyakinan. Bila selamat, tatakelolanya baik, imigresen-nya efisien, APMM-nya kerja dengan baik, kastam-nya itu telus, itu akan menarik pelancongan yang lebih banyak, lebih ramai.

7. Siapa boleh jangka sepuluh (10) tahun yang lalu, Sabah ini menjadi tarikan pelancongan? Ada hotel dibina oleh syarikat Perancis. Ada kehadiran pelancong dari Jerman, dari China, dari Korea. Ini kerana kita jaga keamanan dan infrastruktur kita baiki. Tadi disebut tentang Lapangan Terbang Tawau, bukan kerana permohonan, kita tahu Tawau jadi tarikan, terus kena baiki. Dan ini menelan belanja yang besar. Jadi kena cepat, kena efisien. Ini semua hal-hal yang kita cuba lakukan dalam negara.
8. Saya tidak bermaksud menyatakan untuk memberi gambaran tidak baik semua dulu, tidak. Tapi negara ini kalau hendak maju, dia mesti ada lonjakan. Semangat mesti tinggi, tatakelola mesti baik. Ini pemimpin-pemimpin kalau bincang sekarang, dia dengar ceramah-ceramah itu sahaja. Kerja orang ini curi itu, orang ini curi ini, kerana budaya begitu. Sebab itu kita mesti tegas.
9. Dan juga peringatan orang yang bercakap suruh curi-curi, dia jangan curi. Kadang-kadang dia dengar ini—oh, bercakap pasal rasuah-rasuah sini—tapi orang-orang ini pernah jadi pemimpin, kaya-kaya belaka. Balak banyak juga, projek banyak juga, tapi marah banyak juga. Tidak boleh. Mesti ada kesungguhan untuk betulkan.
10. Jadi rakyat yang hendak pilih, hendak tentukan, itu penting. Supaya negara aman, dasarnya jelas. Masalah kita itu masalah manusia yang jalankan tanggungjawab hendak tolong rakyat. Dia ada masalah hendak gaduh—Cina lah, Kadazan lah, Bajau lah, Melayu lah. Ini kita gaduh soal itu. Yang gaduh itu rakyat. Kalau tengok pemimpin-pemimpin, dia pakat. Kalau dia buat syarikat, dia katalah dia curi

balak untuk dia, dia tidak peduli, syarikat Cina ke, Kadazan ke, dia pakat, dia kaya. Yang di bawah, dia suruh gaduh, marah-marah. Ini kita kena halang.

11. Bagi saya, bukan masalah kaum negara kita ini. Negara ini kalau tengok program Islamnya, tadi YB Datuk Seri Panglima Saifuddin Nasution sebut tentang acara di masjid. Kita tingkatkan, kita imarahkan, tetapi masalah kita bukan masalah kaum. Bukan masalah orang Cina. Masalah kita ini masalah pimpinan dan dasar jaga kebajikan rakyat. Kalau tidak, tak mungkin Malaysia satu-satunya negara di dunia yang memutuskan untuk turunkan harga minyak RM1.99. Mana pengeluar minyak yang besar di dunia? Arab Saudi? Qatar? Berapa harga? Lebih daripada RM2.60. Kita RM1.99. Sebab? Kita cermat belanja.

12. Bila kita jimat elektrik, kita kenakan elektrik bagi orang kaya, syarikat besar, tetapi bagi rakyat tidak. Sabah, Sarawak tidak kena. Oh, ini kata 'Malaya, Malaya apa?' Saya orang Malaya, saya putuskan naik cukai tarif elektrik untuk orang kaya di Semenanjung. Sabah, Sarawak tidak dikenakan. Ini bukan cadangan parti Sarawak atau parti Sabah, cadangan kita di Malaysia untuk rakyat Malaysia. Kerana Sabah dan Sarawak itu ketinggalan. Guna diesel banyak, kita bagi pertimbangan, bukan untuk seludup. Ini kerja Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Kita bagi peluang, dia seludup, jual sana-sini. Yang rugi negara. Jadi sebab itu kita harus bertindak tegas dalam hal ini.

13. Saudara ingat, bila naik, naik di Semenanjung, tidak naik Sabah, Sarawak. Bila turun, turun di Semenanjung, turun di Sabah, turun di Sarawak. Tidak adil lagi ke macam itu? Yang sibuk anti parti Malaya, ini Anwar Ibrahim ini orang Malaya, Saya orang Malaysia! Saya cinta Sabah, Sarawak dan Semenanjung!
14. APMM ini badan persekutuan, badan Malaysia, jaga semua negeri dan negara kita. Dan di sini seperti kita lihat, prasarana itu baik kerana bersebelahan sempadan, bukan kerana special untuk Sabah, tidak. Kerana perairan kita, harus diwaspadai dan dijaga.
15. Itu soal minyak. Ya, ada yang complaint, baru-baru ini saya dengar ada tauke, seorang tauke balak kaya di Sarawak, dia kata mana cukup. Orang ini tidak reti, orang Semenanjung ini, orang Malaya ini bodoh, tidak tahu keperluan Sabah, Sarawak. Iyalah, kita mula 300 liter untuk rakyat. Tauke besar, dia nak pakai banyak, bayarlah lebih. Kalau ada besok ada masalah, kita boleh kaji.
16. Semalam, di Kementerian Kewangan, pagi-pagi semalam, sebelum saya berlepas ke Kota Kinabalu, saya dengar orang ada guna perahu, ada guna kemudahan-kemudahan asas, peladang yang bukan pakai lesen motokar atau kenderaan, dia nak guna. Saya kata tidak apalah, buatlah rayuan. Ada di Kementerian Kewangan. Kita bantulah. Tetapi bukan musuh. Apa nak bangkitkan ini Sarawak lawan Malaya, Sabah lawan Malaya, Malaya lawan Sabah? Ini apa dia ini? Malaysia ini dah maju, orang hormat Malaysia. Ada beberapa tokoh ini yang perosak, yang nak melemahkan negara kita.

17. Maka kita mesti bangkit kesedaran ini. Bahawa negara ini seperti APMM, jaga semua rakyat di negara kita. Semangat ini mesti ada. Ada masalah? ya. Siapa kata Semenanjung tidak ada masalah? Pergi belah-belah kawasan miskin. Di Ulu Pahang, di Ulu Kelantan, Ulu Terengganu. Itu orang miskin, anak-anak kita juga. Di Sabah, yang miskin, anak-anak kita juga. Kita bantu semua. Sebab itu kita buat Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Sumbangan Asas Rahmah (SARA). Semua dapat tak STR? Dapat tak SARA? Orang Sabah, orang Semenanjung, semua dapat. Berapa kita belanja satu tahun untuk SARA dan STR? RM15 bilion. Siapapun, dari negeri manapun, yang mana yang masuk kategori ni, kita bayar, tiap bulan.

18. 10 haribulan, seperti mana disebut oleh Menteri tadi, Belanjawan negara. APMM nak minta tambahan lagi. Saya tadi ingatlah, penjara belum dapat. Jadi kena bahagi-bahagi lah pula kan? Tetapi saya puas hati kerana, Ozi, YBhg Laksamana Maritim Datuk Haji Mohd Rosli, kita bagi kepada APMM, kita tengok perjalanannya lebih baik, lebih kemas, lebih berkesan, tindakannya lebih berkesan. Jadi kita bantu pun puas hati.

19. Bila kita umumkan 10 haribulan, saya tadi dengar di Kota Kinabalu, kemudian di Tawau, kemudian sekarang di Sandakan, di Parlimen pun orang pun kata, 'oh ini perlu ini, ini, ini untuk orang bawah, orang miskin, apa-apa perlu'. Tentu saya kena fikir. Jadi, insya-Allah, untuk rakyat, terutama yang susah, terutama juga Sabah, Sarawak, kita bagi tumpuan Belanjawan. Ada pengumuman baik untuk rakyat.

20. Ini maknanya negara kita stabil. Negara Malaysia ini bukan negara besar. Kita bukan ada pesawat-pesawat canggih, ataupun submarine dan kapal-kapal canggih, kapal perang canggih, tidak ada. Tetapi kita ada Hamamadei. Tetapi orang hormat kepada kita. Bila berperang di sempadan Kemboja dan Thailand, mereka minta Malaysia, bukan saya seorang, Panglima Angkatan Tentera, Kementerian Luar, semua sebagai pasukan bantu selesaikan Kemboja dan Thailand. Bila Timor-Leste, ini jauh dulu, sebahagian daripada Indonesia sekarang sudah merdeka, Timor-Leste mohon masuk kerana mereka ini dahulu sebahagian daripada Indonesia, jadi sepatutnya sebahagian ASEAN, jadi dia minta tolong kita, kita dapatkan penyertaan mereka dan bulan Oktober ini insya-Allah Timor-Leste menjadi ahli ASEAN yang ke-11.
21. Kita negara kecil, bukan negara kaya sangat, bukan punyai kelengkapan tentera yang canggih tetapi beberapa bulan lalu Presiden China, Xi Jinping datang, bulan depan, Presiden Donald Trump Amerika Syarikat datang, mana ada negara yang boleh imbangi ini? Ingat senang? pening saya fikir ini. Trump apa dia nak cakap nanti, dua hari yang lalu, pukul 10 pagi, Kedutaan Amerika tanya saya jam 11, Presiden Amerika nak telefon Perdana Menteri, bolehkah? Dah tentu saya kata, boleh! Jadi jam 11 lebih, dia telefon, dia kata, “saya nak datang 26 haribulan, terima kasih Perdana Menteri kerana kejayaan menyelesaikan masalah ini”, jadi saya kata, okey lah. Ada orang marah, buat apa? Kerana Presiden Trump ini dia tidak setuju dengan Palestine.
22. Saudara, kita kena berkawan dengan semua tapi kita bebas bersuara. Kita di antara negara paling lantang pertahankan hak rakyat

Palestine dan Gaza, tapi janganlah perang. Kita kena gunakan saluran diplomatic, suarakan pandangan kita dengan tegas. Negara ini negara merdeka, negara berdaulat, negara yang bermaruah, jadi kita berhak menyuarakan pandangan kita, tapi kita kena pandai berkawan. Ini ada seorang dari parti yang lain yang kata, oh! kita mesti haling! haram Anwar bawa Trump ini. Dia tahu tak ekonomi negara ini? tahu tak berapa eksport E&E dan semikonduktor Malaysia ke Amerika Syarikat satu tahun? 200 bilion Ringgit. Ya? Tahu tak berapa ribu syarikat, berapa puluh ribu pekerja? Saya boleh tegas, NOPE! Kita boleh kata tolak semua yang mana tak setuju dengan kita.

23. Banyak negara nak datang, Perdana Menteri Itali, Perdana Menteri Kanada, Presiden European Union, Eropah, Presiden Amerika Syarikat, Perdana Menteri India, Perdana Menteri China, semua hendak datang bulan Oktober. Yang dah setuju dengan kita, yang Islam betul-betul, kita terima yang lain kita tolak. Negara miskinlah, dia orang akan putar lagi kenyataan ini. Suara tetap memperkatakan yang benar dan yang hak, tapi kena runding. Kita bincang dengan baik, kerana saya katakan tadi kalau kita ambil sikap bebal tak tentu arah yang rugi rakyat yang puluh ribu yang tidak akan kehilangan pekerjaan.
24. Jadi, ini keadaan kita di Malaysia, tapi maknanya Oktober ini Insya-Allah 26 Oktober kita dapat barisan pimpinan dunia seperti yang saya sebut, Amerika Syarikat, China, India, Australia, Kanada, Brazil, Afrika Selatan, dan 11 negara-negara ASEAN, Korea, Jepun akan datang pemimpin-pemimpin negara ke Kuala Lumpur. Setakat ini Alhamdulillah, pasukan keselamatan kita, Kementerian Luar kita, MITI, semua ada dan saya akan minta semua Kerajaan-kerajaan

Negeri, saya ada jemput Premier Abang Jo, saya jemput Ketua Menteri Abang Hajiji untuk juga datang untuk sama-sama meraikan, menunjukkan kita ini satu pasukan yang bersama.

25. Akhir kalam, saya nak sebut di sini juga bagaimana kita boleh bergerak di Sandakan dengan APMM? kerana hubungan Persekutuan dan Negeri itu baik. Jadi kita kena jaga, jangan pilih pemimpin yang rosakkan negara, jangan pilih pemimpin yang menanam bibit kebencian satu sama lain, tetapi kalau parti itu, parti kebangsaan, nasional, atau parti Negeri, Sabah, tapi bekerjasama dengan baik, itu perlu. Bayangkan, Kerajaan Negeri tidak mahu kerjasama dengan pusat atau Persekutuan, tidak suka dengan Kerajaan Negeri, itu masalah juga. Masalah bagi siapa? bukan masalah bagi Perdana Menteri, masalah bagi rakyat. Jadi kita kena jaga kepentingan rakyat. Jadi, dengar. Kita boleh dengar tapi nilailah dengan baik, mudah-mudahan kita bawa perubahan yang baik.

26. Saya ucap terima kasih sekali lagi, Ketua Pengarah dan rakan-rakan dalam APMM kerana menunjukkan prestasi baik. Kita ini mesti ada niat, niat seperti mana? doa yang kita guna dalam reformasi ini, doa “أَسْتَطَعْتُ مَا لِإِصْلَاحِ إِلَّا أُرِيدُ إِنَّ” – In ureedu illal islaaha mastata’tu” – tidak lain cari jalan baiki sedaya upaya kita jangan selesa memang kita puji tapi jangan selesa bila dapat puji orang dah baik dah, baik betul. Tapi, tak pernah orang Islam itu, dan kita nak hidup manusia ini, kalau kita hanya berpuas hati. Kalau baik, boleh baik lagi, tidak ada had sampai kemuncak kecemerlangan tidak ada. Sentiasa ada, ‘Itqan fil amal’ mesti, sentiasa cari jalan, striving for excellence cara kita, tindakan kita, amalan kita, mudah-mudahan Allah merestui.

27. Jadi, saya sekali lagi ucap terima kasih, ada pengumuman-pengumuman apa lagi tak tahu, yang projek-projek ini sudah saya umum di sana sudah, tapi oleh kerana Saifuddin dia tak minta apa-apa, tak payah la kot. Ada, ada, ada. Tak apalah itu, minta Ketua Pengarah berunding dengan Kementerian. Ini masalah teks panjang dia bagi, ini Rosdin bagi setengah, Kementerian Dalam Negeri bagi setengah, kemudian tambah lagi oleh JPM, jadi oleh kerana banyak sangat saya tak jadi baca. Tapi saya kata yang munasabah kita akan bagi perhatian dan yang perlu kita umumkan pada 10 Oktober, insya-Allah, doakan selamat semua.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2025/09/teks-ucapan-yab-perdana-menteri-program-jelajah-wira-madani-maritim-disantuni-agensi-penguatkuasaan-maritim-malaysia/>